

BAB KETIGA: PERTEMBUGAN PERADABAN MELAYU BRUNEI DENGAN PERADABAN ISLAM

3.1 Pengenalan

Sebelum kita melihat bentuk pertembungan peradaban Melayu dengan peradaban Islam di Brunei, terlebih dahulu perlulah dilihat apakah itu Islam. Dalam memahami ajarannya, Islam perlulah dirujuk kepada sumber asasi Islam itu sendiri iaitu wahyu dalam bentuk *Al-Qur'an* dan *As-Sunnah*. Islam adalah satu ad-din yang diturunkan Allah SWT melalui Nabi Muhammad SAW untuk seluruh manusia. Firman Allah SWT

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“Sesungguhnya ad-din di sisi Allah hanyalah Al-Islam” (Aali Imran: 19)

Istilah ad-din mempunyai pelbagai penjelasan dan salah satu daripadanya ialah termasuk makna cara hidup, perbandaran dan juga tamadun. Kepentingan peradaban seperti yang ditekankan oleh *Al-Qur'an* tidak dapat dinafikan. Malah dalam *Al-Qur'an* pelbagai kisah umat manusia diceritakan (qasas). Di dalam membangunkan peradaban hidup ummat manusia, Islam menekankan tentang kemuliaan, kekuasaan dan kejayaan (*izzah, khilafah dan falah*) sebagai natijah akhir sesiapa yang menyerahkan keinginan mereka kepada

kebenaran ilahi. Sementara kehinaan, kehancuran dan kegagalan pula adalah natijah kepada mereka yang menurut hawa nafsu dan membelakangi kebenaran ilahi.

Islam juga melihat sentiasa berlakunya pertembungan antara kebenaran dan kepalsuan, antara keadilan dan kezaliman dan keimanan dan kekufuran. Walaupun begitu Islam sebagai sebuah agama dakwah menekankan kepada penyeruan secara hikmah dan contoh teladan yang baik. Islam melihat kepelbagaian dalam kaum dan kabilah adalah fitrah ciptaan Allah SWT dan ia bertujuan untuk saling mengenali antara satu sama lain (konsep lita'arafu).

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami (Allah) menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berpuak-puak dan berbangsa-bangsa supaya kamu saling kenal-mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu ialah orang yang paling bertakwa.” (Al-Hujurat:13)

Akbar S. Ahmed melihat Zaman Rasulullah SAW dan Khulafa Ar-Rashidin (Tiga kurun pertama) sebagai kemuncak kepada peradaban Islam. Ia adalah zaman Islam yang ideal dan menjadi pengukur kepada peradaban Islam

(Akbar S. Ahmed: 2000:31). Seterusnya perkembangan Islam sentiasa beralun, turun dan naik, pasang dan surut.

Kedatangan Islam membawa rahmat. Konsep Lita'arafu (Hujurat:13) menjadi dasar kepada interaksi harmoni. Sepertimana Islam telah berdialog secara aman dengan peradaban lain, Islam juga meneruskan interaksi ini dengan peradaban Melayu di Brunei.

3.2 Interaksi Dengan Peradaban Islam

Islam sebagai sebuah ad-din telah berkembang sejak terutusnya Rasulullah SAW lagi. Sesuai dengan agama dakwah, ia telah dikembangkan oleh para pendakwah dan mubaligh ke seluruh permukaan alam. Kemasukan Peradaban Islam ke Brunei seperti mana juga kedatangan Peradaban Islam ke nusantara Melayu, adalah sepertimana teori kemasukan Islam ke alam Melayu. *Majul* (1988: 67-72) telah menyimpulkan beberapa teori berkaitan kedatangan Islam ke alam Melayu seperti berikut:

1. Teori Perdagangan – Islam tersebar melalui pedagang Islam yang datang untuk berniaga. Teori ini terkenal di kalangan sarjana Barat yang awal.
2. Teori Mubaligh – Islam berkembang melalui para pendakwah yang sememangnya datang untuk tujuan dakwah bersesuaian dengan sifat Islam sebagai agama dakwah.

3. Teori Politik – Islam berkembang kerana pemerintah dan golongan Istana memeluk Islam atas perkiraan politik.

4. Teori Ekonomi – Islam bermula di kalangan pemerintah yang memeluk Islam atas sebab ekonomi.

5. Teori Massa – Islam diterima oleh ramai penduduk bumiputera disebabkan cara bagaimana agama itu diperkenalkan sehingga dapat memuaskan aspirasi dan kerohanian mereka.

6. Teori Jihad – Islam bertindak sebagai suatu tenaga menentang kedatangan imperialisme Barat dan penjajahan Kristian.

Rumusan kepada semua teori ini ialah setiap satu daripada teori ini masing-masing menyumbang ke arah pemahaman mengenai peluasan Islam. Namun di antara semua teori di atas, teori mubalighlah yang paling luas diterima dan dipakai berdasarkan ajaran Islam dan faktor sejarah itu sendiri. (Majul, 1988:71) Para pengembang Islam ini adalah pendakwah dan mubaligh yang bermatlamatkan penyebaran agama Islam dan bukan hanya seorang pedagang yang disamping itu berdakwah. Mereka adalah pendakwah yang berdagang bukan pedagang yang berdakwah.

Pengkaji Barat cenderung mengatakan bahawa Islam datang ke Brunei melalui teori perdagangan. Pada pendapat penulis, faktor perdagangan tidak terlalu kuat untuk menjadi penyebab kepada peybaran Islam di merata tempat.

Penulis lebih cenderung untuk melihat faktor mubaligh itu sendiri yang membawa Islam ke seluruh alam termasuklah di alam Melayu. Manakala dari segi zamannya pula, para pengkaji tempatan pula cenderung kepada pendapat yang mengatakan Brunei menerima Islam secara rasmi pada zaman Sultan Muhammad Shah yang dijangka pada tahun 1368 M. (Haji Muhammad Jamil Al-Sufri, Tarsilah Brunei Sejarah Awal dan Perkembangan Islam, 1990:86)

Pengkaji sejarah tidak bersepakat mengenai tarikh kedatangan Islam ke Brunei. Penulis Barat cenderung untuk berpegang kepada pendapat bahawa Islam datang di Brunei selewat abad ke-16 iaitu setelah kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 dan apabila pemerintah Brunei memeluk Islam sekitar tahun 1514. (Graham Saunders, 1995: 344, Robert Nicholl, 1983:45). Namun pendapat ini tidak dipersetujui oleh ramai pengkaji tempatan. (Pehin Mohamad Jamil Al-Sufri, Mahmud Saedon, 1999, Mohammad Abdul Rahman, 2001:71) dan juga beberapa pengkaji lain (C.A. Majul, 1973: 41-42, James Ongkili, 1972: 7). Mereka berpendapat Islam telah datang lebih awal daripada itu. Ini dibuktikan melalui penemuan beberapa buah makam lama serta batu nisan seperti batu nisan bertarikh seawal 1264 Masehi di Perkuburan Islam Rengas, Bandar Seri Begawan dan juga batu nisan Puteri Makhdarah puteri Sultan Abdul Majid yang bertarikh 440 Hijrah di kawasan perkuburan di Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.. (Izziah Suryani, 2003:324-325)

Bagi memperjelaskan lagi tentang kedatangan dan perkembangan Islam di Brunei, Mahmud Saedon (1999: 57) telah membahagi tahap kedatangan Islam ke Brunei kepada tiga tahap:

Tahap Pertama: Sejak Kurun Maschi ke-10 lagi. Pada tahap ini, ajaran Islam telah wujud di Brunei sebelum Awang Alak Betatar memeluk Islam lagi. Berdasarkan catatan sejarah Arab dan China, Po-ni (Brunei) disebut telah menerima pengembara dan duta-duta Islam dalam perjalanan mereka ke China. (Abdul Latif Haji Ibrahim, 1994:79). Menurut Mahmud Saedon, pada tahap ini Islam berkembang di kalangan masyarakat, rakyat biasa dan pedagang. Namun pada tahap ini, Islam belum lagi berkembang pesat akibat daripada persaingan dengan agama Hindu yang telah tersebar di alam Melayu lebih awal daripada Islam.

Tahap Kedua: Pada tahap ini, Islam mendapat sambutan pemerintah dan majoriti rakyat. Tahap kedua ini ditandai dengan Awang Alak Betatar memeluk Islam dan menukar nama kepada Sultan Muhammad Shah. Seperti mana kebiasaan masyarakat Melayu seperti mana juga di Melaka, apabila raja mereka telah memeluk Islam, maka rakyat juga secara beramai-ramai telah memeluk Islam. Menurut beliau pada tahap inilah tertubuhnya Kesultanan Melayu Islam di Brunei.

Tahap Ketiga: Tahap ini adalah peringkat penyebaran besar-besaran Islam dari Brunei ke kawasan sekitar seperti Filipina dan sekitar pesisir Borneo. Tahap ini ditandai dengan kemajuan dan keamanan. Tahap ini juga dikatakan

Brunei berada di kemuncak ketinggian sebuah peradaban Melayu. Namun tahap ini telah disalahertikan oleh penyelidik Barat sebagai kedatangan Islam ke Brunei.

Pendapat penulis Barat melihat seolah-olah Islam datang ke Brunei hanya setelah jatuhnya Melaka ke tangan Portugis iaitu dalam abad ke-16. Sebagai sebahagian dari alam Melayu, Brunei sebenarnya telah menerima Islam sezaman dengan alam Melayu yang lain seperti Melaka, Aceh dan Patani. Ini kerana sebagai sebuah wilayah yang terletak di tengah-tengah alam Melayu sudah pasti sedikit sebanyak menerima kesan daripada kedatangan dan perkembangan Islam seperti wilayah-wilayah Melayu yang lain. Apatah Brunei juga terletak di pertengahan jalan perdagang strategik antarabangsa antara timur dan barat yang sering dilalui oleh pedagang Islam.

Kedatangan dan penyebaran Islam jelas memperkukuhkan identiti Melayu sehingga dikatakan bahawa kegemilangan peradaban Melayu di Brunei ialah pada zaman selepas pertembungannya dengan peradaban Islam.

3.3 Analisis Pertembungan

Menurut Huntington, agama adalah salah satu faktor penting dalam peradaban. Menurut Quigley pula, percampuran (*mixture*) berlaku pada peringkat awal.

Ternyata Islam telah menyumbang kepada aspek keagamaan di dalam peradaban Melayu. Sebelum kedatangan peradaban asing, masyarakat Melayu mempercayai animisme. Walaupun peradaban India berinteraksi lebih awal dari Islam, pengaruh agama Hindu-Buddha yang datang bersama tidak meresap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sebaliknya apabila Islam datang, ia diterima dengan mudah oleh masyarakat Melayu. Ia seterusnya melengkapi dimensi keagamaan dalam peradaban Melayu. Syed Muhammad Naquib Al-Attas telah mengungkap dengan jelas sekali peranan yang dimainkan oleh Peradaban Islam apabila ia bertembung dengan peradaban Melayu dengan tulisannya:

“Tidak akan melewati batas jikalau kita bandingkan pengaruh kedatangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia dengan pengaruh Islam di Eropah pada abad keenam dan ketujuh Masihi. ... sebagaimana zaman moden terpimpin masuk oleh pengaruh Islam mewujudkan suasana baru di Eropah, demikian jugalah kedatangan Islam ke daerah Kepulauan Melayu-Indonesia menandakan kedatangan zaman baru dan permulaan zaman moden.” (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1990:4)

Sejarah sentiasa mencatatkan bagaimana bentuk pertembungan awal masyarakat Melayu dengan peradaban Islam, berlaku secara aman, tanpa paksaan dan bukan secara konflik dan kekerasan, jauh sekali dari paksaan atau peperangan. Ini selaras dengan prinsip asas penyebaran Islam atas konsep “Tiada Paksaan Dalam Islam”. (Md. Amin Abdul Rahman, 1988:16)

Sesuatu yang amat menarik berkaitan dengan pertembungan Melayu dan Islam ialah ia berlaku dengan begitu harmoni. Ia dimulai dengan pemerintah menerima Islam dan seterusnya diikuti oleh masyarakat serta rakyat. Keperibadian serta latar belakang sistem kepercayaan orang Melayu sebegitu dekat dengan Ajaran Islam.

Seterusnya Islam menapis adat dan budaya Melayu. Islam tidak menolak segala-galanya. Proses percampuran menurut Quigley ini berlaku. Ia menyesuaikan dengan Islam. Dengan ini Islam menjadi teras kepada peradaban Melayu. Apabila Islam datang ke nusantara dan berlaku pertembungannya dengan Dunia Melayu, maka pertembungannya itu secara relatifnya berlaku dengan secara harmoni dengan apa-apa yang berlaku dalam rantau-rantau yang lain. Begitu juga dalam konteks di Brunei. Kedatangan Islam membawa kepada perkembangan peradaban Melayu Islam yang pusatnya beralih-alih di alam Melayu dari Pasai ke Melaka, seterusnya ke Aceh, Patani dan Brunei. Di Brunei kesannya begitu besar sekali sehingga timbul konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi dasar dan tonggak kepada pemerintahan di Brunei Darussalam sekarang.

Islam benar-benar telah mantap menyerap ke dalam peradaban Melayu di Brunei Darussalam. Hasil dari kerja dakwah yang dilakukan oleh para pendakwah, maka Brunei telah menjadi pusat kepada peyebaran Islam. Usaha para pendakwah Islam bukan sahaja menyebarkan Islam di sekitar kepulauan Borneo, malah ia berkembang meluas ke kawasan sekitar khususnya di sebelah tenggara kepulauan Borneo seperti kepulauan Filipina. Kesungguhan usaha penyebaran Islam yang dilakukan oleh para pendakwah jelas membawa kesan kepada daerah persekitaran Brunei. Ia bermula seawal zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. Ini bersesuaian dengan dasar peluasan wilayah oleh baginda dengan secara langsung Islam tersebar luas. Ia berterusan sehingga zaman Sultan Saiful Rizal. Keberkesanan usaha pendakwahan yang dijalankan adalah juga kerana kualiti mubaligh Brunei yang dikatakan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta semangat yang kuat. Keberkesanan ini terbukti apabila timbul kebimbangan di kalangan Sepanyol terhadap usaha pentablighan yang dilakukan oleh para mubaligh Islam. Malah dalam masa yang sama dilihat Brunei merupakan benteng pertahanan terakhir bagi Islam di sebelah timur dari usaha pengkristianan yang dilakukan oleh Sepanyol. Ini dapat dilihat bahawa usaha Sepanyol yang cuba meyebarkan Kristian di kalangan masyarakat Melayu di sebelah timur terhenti setakat di Filipina yang terletak berdekatan dengan Brunei.

3.4 Pengaruh Peradaban Islam

Kesan pertembungan dengan Islam boleh dilihat dalam pelbagai aspek

3.4.1 Aspek Kepercayaan

Louay M. Safi menyebut bahawa perkara pertama yang paling mustahak dalam perubahan yang dibawa oleh tamadun Islam ialah aspek kepercayaan. Islam datang merobah dari kesyirikan kepada keimanan. (Louay Safi, 2003:87). Kepercayaan masyarakat Melayu sebelum datangnya Islam dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan juga percampuran kepercayaan Hindu-Buddha. Masyarakat Melayu mempercayai bahawa semua benda mempunyai semangat. Namun setelah peradaban Islam datang, masyarakat Melayu telah menerima sistem aqidah yang dibawa oleh Islam yang berteraskan Tauhid. Bertitik tolak dari konsep tauhid inilah berkembangnya pengaruh Islam dalam peradaban Melayu mempengaruhi setiap aspek kehidupan sesuai dengan sifat Islam sebagai ad-din yang syamil dan kamil (Cara hidup yang lengkap dan sempurna).(Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1990:20)

Aspek Tauhid ini telah diterima sepenuhnya oleh masyarakat Melayu di Brunei dengan dimenifestasikan di dalam konsep Islam di dalam rangkaian Melayu Islam Beraja yang menjadi tonggak Kerajaan Brunei. Islam di sini nerujuk kepada agama yang diredhai oleh Allah SWT yang menjadi teras pemerintahan Kesultanan Brunei sejak zaman-berzaman. Ia termaktub dalam

perlembagaan Negeri Brunei 1959 sebagai agama rasmi negara mengikut mazhab Shafie Ahli Sunnah Wal Jamaah.

3.4.2 Aspek Undang-Undang Syariah

Pada abad ke-17, Brunei telah memiliki kanun seperti Kanun Melaka yang disebut oleh pakar sejarah Brunei sebagai Kanun Sultan Hassan. Kanun tersebut menjadi asas kepada perundangan Syariah di Brunei.

“Dalam zaman Sultan Muhammad Hassan memerintah, perundangan Islam yang dilaksanakan telah dicatatkan dalam Hukum Kanun Brunei yang mengandungi 46 fasal. Hukum Kanun Brunei ini telah disebut sebagai yang memperkukuhkan institusi keagamaan di Brunei” (Hashim Hamid, Jurnal Darussalam 1: 81)

Kewujudan Hukum Kanun Brunei yang menjadi asas Syariah ataupun Undang-Undang Islam di Brunei bukan hanya terdapat di dalam buku sahaja tetapi terdapat catatan yang menunjukkan bahawa ia dilaksanakan. Contohnya Mohammad Abdul Rahman merujuk kepada satu catatan W.H. Trecher yang menyatakan bahawa Sultan Brunei Darussalam pernah menangkap dan menjatuhkan hukuman potong tangan kepada pencuri yang telah mencuri sebuah jam emas dan selaras senapang dari kapal Perang British. Begitu juga Trecher pernah menyaksikan seorang penjenayah di Brunei yang dijatuhkan hukuman bunuh atas kesalahan merompak, merampas harta-benda dan membunuh beberapa orang peniaga. (Mohammad Abdul Rahman, 2001: 79)

3.4.3 Konsep Melayu-Islam-Beraja

Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan satu konsep yang unik yang terdapat di Brunei Darussalam. Konsep Melayu bermaksud Brunei Darussalam adalah negara 'Melayu' yang mengamalkan nilai-nilai tradisi atau kebudayaan Melayu yang mempunyai unsur-unsur kebaikan dan menguntungkan.

Istilah Islam pula adalah agama yang diredhai oleh Allah SWT yang menjadi teras pemerintahan Kesultanan Brunei sejak zaman-berzaman. Ia termaktub dalam perlembagaan Negeri Brunei 1959 sebagai agama rasmi negara mengikut mazhab Shafie Ahli Sunnah Wal Jemaah.

Sistem Beraja pula adalah sistem tradisi Melayu yang sudah lama wujud sejak terdirinya Kerajaan Melayu Brunei. Hashim Abd. Hamid menyebut unsur atau ciri daulat dalam tradisi agung berpusat pada kedudukan institusi Raja. Lazimnya orang Melayu mempunyai raja. Dalam konteks ini, institusi Raja adalah lambang penting identiti Brunei. Melalui institusi ini, Brunei dikenali sebagai negara Kesultanan Melayu Islam. Ia bukan sahaja melambangkan kemelayuan dalam sistem politik, malah pengiktirafan kuasa politik orang Melayu di Brunei. Walaupun konsep asas raja dikatakan dari konsep devaraja hasil pengaruh peradaban India, kedatangan Islam ternyata telah memberi dimensi baru terhadap konsep tersebut. Dengan kedatangan Islam, konsep Raja berubah menjadi tempat orang lemah mencari perlindungan dan tempat orang teraniaya mendapat pembelaan. Ia adalah institusi untuk menegakkan keadilan seperti yang diperintahkan oleh Islam. Ia juga seperti satu perjanjian antara Raja dengan rakyat

iaitu ‘Raja tak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka’. Dan ‘Raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja’. Raja adalah ketua agama, ketua Melayu, ketua pemerintahan, ketua adat istiadat dan rujukan pengampunan. Dalam erti kata lain, Sultan adalah ketua kanun, syara, resam dan adat istiadat. (Hashim Abd. Hamid, 1994: 79)

Peripentingnya Melayu Islam Beraja (MIB) ini disebut oleh Hashim Abd. Hamid sebagai:

“Langkah negara ini menjadikan Brunei Darussalam ini sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) adalah satu pilihan terbaik dan selari dengan pemeliharaan dan kesinambungan tradisi agung.”
(Abd. Hamid, 1999:59)

Melalui konsep ini, ia menjadi satu jaminan kepada Brunei Darussalam terus kekal dibawah ketuanan Melayu yang menjunjung agama Islam dan berpegang kepada kedaulatan raja.

3.4.4 Bahasa Melayu

Pertembungan dengan Islam benar-benar telah mengubah Peradaban Melayu dari aspek bahasa. Kajian mengenai pengaruh peradaban Islam terhadap Peradaban Melayu telah dilakukan oleh para sarjana. Antaranya Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam “Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu”. Dijelaskan bahawa antara pengaruh besar yang disumbangkan oleh

Islam ialah pengangkatan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Asia Tenggara. Bahasa Melayu telah mengalami perubahan besar. Lebih khusus lagi zaman bahasa Melayu klasik pada abad ke-14 hingga abad ke-18 telah dikelaskan sebagai zaman bahasa Melayu menerima pengaruh bahasa Arab yang begitu ketara. Antara ciri yang dapat dikesan ialah pengembangan falsafah dan intelektual berlaku dengan giat, penulisan dan penterjemahan kitab Islam dalam pelbagai bidang serta struktur dan tatabahasa bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa Arab seperti kaedah yang disusun oleh Pendeta Za'ba. Selain daripada itu perbendaharaan bahasa Arab juga telah diserap dengan meluas sekali dalam bahasa Melayu sehingga dianggarkan bahawa 1 000 kata Arab telah dipinjam oleh bahasa Melayu khususnya berkaitan dengan istilah ilmu agama seperti iman, ilmu, takwa dan sebagainya. (Munif Zairuddin, 2001:29-30)

Dalam banyak bahasa di alam Melayu, bahasa Melayu telah terpilih sebagai bahasa pengantar pendakwahan Islam. Islam mempunyai banyak pilihan lain, namun bahasa Melayu terpilih mungkin ada alasan tersendiri. Atas pertimbangan ia boleh memelihara kemurnian serta ketepatan pemikiran Islam, maka berlakulah proses pengkayaan perbendaharaan Bahasa Melayu. Walaupun terdapat bahasa lain yang mungkin lebih unggul di alam Melayu pada masa tersebut, ia tidak terpilih atas alasan mungkin berlaku kekaburan dan kekeliruan faham. Sebagai contoh, bahasa Jawa dilihat telah mencapai tahap kemantapan sebagai bahasa kebudayaan Hindu dan Buddha di alam ini. Ditakuti nanti, apabila bahasa Jawa digunakan akan timbul kekeliruan dari segi makna dan konsep antara agama Islam dan Hindu serta Buddha. Atas sebab itu akhirnya Bahasa

Melayu terpilih dan dengan sebab itu peradaban Islam akhirnya banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Siddik Fadzil menjelaskan

“Ternyata bahasa Melayu telah mampu melaksanakan fungsinya. Melalui penyerapan pelbagai perkataan dari Al-Quran serta Hadis terutama dalam dimensi keagamaan dan tradisi keilmuan, bahasa Melayu melalui satu perubahan besar. Perubahan bukan sahaja berlaku dalam penambahan perbendaharaan, tetapi lebih penting lagi dari segi makna dan pemikiran Melayu. Penyerapan kata seperti tauhid, iman, ihsan, takwa, ibadat, akhirat dan sebagainya ternyata telah membawa dimensi baru dalam peradaban Melayu. Perubahan tersebut meliputi pemikiran, aksiologi, kosmologi dan epistemologi Melayu.” (Siddik Fadzil, 2002:15-16)

Jelas di Brunei, bahasa Melayu adalah media utama dalam kehidupan. Salah satu syarat terpenting dalam perlembagaan ialah fasih berbahasa Melayu. Perlembagaan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Brunei. Penggunaan Bahasa Melayu juga dapat dilihat dengan meluas di dalam pentadbiran dan juga kehidupan seharian.

3.4.5 Tulisan Jawi

Kedatangan Islam telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu berperanan sebagai pengikat perpaduan seluruh bangsa Melayu. (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1990:43) Begitu juga dalam konteks Brunei Darussalam, tulisan Jawi lahir bersamaan dengan datangnya agama Islam ke

Brunei. Peranan yang dimainkan oleh tulisan Jawi dalam menjelaskan perkembangan Islam di Brunei disebut oleh Awang Matussin Omar

“Selain daripada menggambarkan perkembangan tamadun bangsa, keindahan kesenian dan kecanggihan dalam penulisan Jawi dan ayat-ayat Al-Quran dapat menggambarkan sejauh mana kuat atau bertapaknya agama Islam di negara ini. Penguasaan dengan baik, doa-doa, hadis dan ayat-ayat Al-Quran itu sendiri menunjukkan yang masyarakat Brunei sudah mesra dan fasih dengan unsur-unsur dan ajaran-ajaran agama Islam yang mana keadaan ini tidak mungkin terjadi sekiranya agama Islam belum kuat bertapak di negara ini kira-kira 600 hingga 700 tahun yang lalu.” (Awang Matussin Omar, 1999:84)

Kedatangan Islam bukannya sahaja menyebarkan dan mengembangkan ajarannya, akan tetapi juga membawa sumbangan dalam mencipta kemajuan bangsa. Ajaran Islam yang menekankan tentang tradisi ilmu melalui budaya Iqrah, membuka ruang kepada penciptaan tulisan Jawi di nusantara Melayu. Kewajipan belajar dan membaca al-Quran sudah menjadi suatu kemestian kepada setiap umat Islam. Sejak dari kecil umat Islam diasuh mempelajari al-Quran dan mereka terdedah dengan huruf Arab.

Pertembungan peradaban Melayu dengan Islam di Brunei dan di seluruh alam Melayu telah menyumbang kepada penciptaan tulisan Jawi. Huruf Jawi yang

berasaskan kepada huruf Arab menjadi suatu alat bahasa kepada umat Melayu di nusantara. Dalam memperkatakan tentang tulisan Jawi di Brunei, disebut:

“Brunei seperti juga negara-negara Melayu di dunia Melayu yang lain, terlebih dahulu diperkenalkan dengan tulisan Jawi melalui huruf Arab dalam konteks perdagangan. Dalam buku catatan Dinasti Sung (960-1279 Masehi) ada menceritakan bahawa Raja Brunei (Puni) telah menerima kedatangan seorang pedagang bernama Pu Ya-Li pada tahun 977 Masihi. Beliau tinggal di Brunei dalam jangka waktu yang agak lama iaitu untuk menunggu pertukaran angin barat daya bagi memulakan pelayaran. Dalam konteks ini telah timbul satu pertanyaan apakah beliau yang menyebarkan/memperkenalkan skrip Arab di Brunei?” (Jawawi Ahmad, 1991: 91)

Sumbangan tulisan Jawi ini amat besar kepada peradaban Melayu di Brunei, seperti yang disebut:

“Tanpa tulisan jawi, kecemerlangan dan ketamadunan Brunei tidak dapat dikesan dengan baik. Surat-surat perjanjian, batu bersurat, warkah-warkah wasiat, adat istiadat dan juga surat-surat perhubungan antarabangsa ditulis dalam tulisan Jawi.” (Hashim Abd. Hamid, 1999:167)

Penggunaan tulisan Jawi dalam peradaban Melayu di Brunei disebut oleh Muhammad Abdul Rahman

“Betapa tulisan Jawi sudah digunakan dan diamalkan di Brunei Darussalam dalam kurun ke-16 dan 17 Masehi dibuktikan sendiri oleh dokumen-dokuman lama yang ditulis dalam tulisan Jawi seumpama Silsilah Raja-Raja Berunei, Hukum Kanun Brunei dan Syair Awang Semaun.”(Muhammad Abdul Rahman, 2001:202)

Tulisan Jawi juga telah digunakan dalam pentadbiran sebagai contoh terdapat surat antara Brunei dan Sepanyol ditulis dalam tulisan Jawi. Begitu juga dalam urusan perdagangan, ia digunakan dalam matawang seperti wang yang dikeluarkan di zaman Sultan Hassan terdapat tulisan Jawi “Sultan al-Adil” iaitu gelaran baginda.(Mohammad Abd. Rahman, 2001:55)

Malah kesan tulisan Jawi di Brunei terus berkekalan sehingga kini di mana ia terus diajar di dalam sistem pendidikan Brunei dan didaulatkan dalam pentadbiran Brunei Moden. Malah penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat di Brunei semakin meluas. Bagi mengekalkan dan memartabatkan lagi penggunaan tulisan Jawi, inisiatif telah diambil oleh pemerintah Brunei melalui Dewan Bahasa dan Pustaka. Antaranya ialah arahan menekankan penggunaan tulisan Jawi secara meluas dalam pentadbiran, aktiviti ekonomi dan sebagainya. Sebagai bukti kesannya dapat kita lihat sendiri di Brunei hari ini, hampir setiap papan tanda di Brunei tidak mengabaikan tulisan Jawi ini. Ini amat berbeza di daerah-daerah Melayu yang lain. Sesuatu yang paling membanggakan ialah wujudnya tulisan

Jawi di Brunei Darussalam dan malah ia didaulatkan melalui perancangan serta pelaksanaan yang meyebarluas di dalam masyarakat.

3.4.6 Ilmu Pengetahuan dan Para Ulama

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa salah satu pengaruh besar peradaban Islam terhadap peradaban Melayu ialah aspek ilmu pengetahuan melalui sumbangan yang dimainkan para ulama. Epistemologi Islam yang dibawa dengan kedatangan Peradaban Islam adalah sesuatu yang baru dalam Peradaban Melayu. Pengkelasan ilmu kepada Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli serta peranan tulisan Jawi dalam peradaban Melayu adalah hasil dari peradaban Islam. Apabila kita membincangkan ilmu pengetahuan, maka ia tidak dapat dipisahkan dengan para ulama yang telah memainkan peranan besar bidang tersebut.

Di dalam membincangkan teori alunannya, Akbar Ahmad juga ada membincangkan peranan ahli sufi dan ulama dalam meyebar Islam. Menurut Akbar Ahmad para ulama dan ahli sufi dengan secara begitu berhikmah dan ‘lembut’:

“Separately, sometimes alone, sometimes with a few diciples, came Sufi scholars and saints. Their modes of attack were contrary: uncompromising rigorism for the soldier and adaptive, absorbent and pragmatic for the Sufi.” (Akbar Ahmad, 1988:90)

Malah dalam menyebut kepentingan mereka dalam membangunkan Islam, Akbar Ahmad menyebut:

“It is also abundantly clear that Islam’s days of glory were created not by the sinews of its warriors but the vitality of its scholars and Sufis. More than the soldiers they were struggling fi sabi Allah, in the path of Allah. The Scholars- jurist, historians, ethnographers and astronomers- expanded the frontiers of knowledge through study; the Sufis the frontiers of human relationships through compassion and understanding. Both in their own ways, aim for the Islamic ideal. Both would remain independent of the kings and courts. Many would feel the lash on their backs. But they would rarely falter. The end of Muslim scholarship and Sufi commitment was the cause and effect of European colonialization. In the post-colonial era Muslims have yet to repair the damaged fabric of Islamic scholarship and Sufi thought.” (Akbar Ahmad, 1988:228)

Di alam Melayu termasuklah Brunei, peranan yang dimainkan oleh para ulama dan ahli sufi amatlah besar seperti mana yang disebut oleh Akbar Ahmad. Tidak lengkap dan sempurna jika tidak menyebut beberapa tokoh yang terlibat dalam perkembangan Islam di Brunei. Antaranya Syarif Ali, Syarif Mufaqih Muqaddam, Syakh Adam, dan Sulaiman bin Abdul Rahman (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 2003: 251). Mereka ini adalah para ulama dan sekaligus ahli sufi. Peranan serta sumbangan mereka dalam perkembangan Islam di Brunei sangat

besar dan tercatat dalam tulisan para pengkaji Peradaban Melayu.(Wan Mohd. Shaghir Abdullah: 1999). Antara tokoh utama yang sangat besar sumbangannya ialah Sharif Ali.

“Sultan Sharif Ali ini adalah seorang Sultan yang sangat kuat beribadat dan mempunyai berkat, sehingga baginda termasyhur dengan gelaran ‘Sultan Berkat’. Bagindalah yang mula membangunkan masjid di Brunei dan menentukan arah qiblat.”
(Mohd. Jamil Sufri, 1992:29)

Selain daripada itu, Mohammad Abdul Rahman merujuk seorang lagi tokoh ulama yang terdapat di Brunei iaitu Syed ‘Alwi Faqeh Al-Muqaddam

“Dengan ini dipercayai selain Sharif Ali ada lagi lain-lain ulama yang datang ke Brunei Darussalam untuk memperteguhkan keadaan dan kedudukan perkembangan agama Islam di Brunei Darussalam. seorang ulama yang dikatakan mempunyai keramat iaitu Sayid Alwi al-Faqeh Muqaddam. Gelaran al-Faqeh itu sendiri menunjukkan dia seorang yang amat mahir dalam ilmu fiqeh iaitu salah satu cabang ilmu Islam yang penting dipelajari oleh setiap orang Islam apalagi sebagai ulama.” (Mohammad Abdul Rahman. 2001:107)

Gelaran Sultan Berkat dan Faqeh seperti di atas dengan jelas menunjukkan bahawa mereka adalah para ulama dan ahli Sufi dan mereka telah memainkan peranan yang amat penting dalam mengukuhkan Islam di Brunei Darussalam.

Sesuatu yang menarik dan unik jika dikaji ialah Akbar Ahmad merujuk kepada beberapa wilayah Islam seperti India sebagai contoh, para ulama dan sufi adalah bebas daripada ikatan pemerintah. Namun sebaliknya berlaku di alam Melayu amnya dan Brunei khususnya, kebanyakan para ulama dan ahli Sufi ini juga terlibat dalam pemerintahan. Sebagai contoh Sharif Ali yang digelar Sultan Berkat mendapat sanjungan dan sokongan daripada raja dan rakyat Brunei yang akhirnya telah melantik beliau sebagai Sultan. Ini menunjukkan masyarakat Islam begitu sekali menghormati golongan ulama dan sufi ini. Malah apabila mereka menjadi Sultan, mereka dapat memainkan peranan yang lebih besar dan berkesan dalam memperkembangkan dan memantapkan ajaran Islam seperti yang telah dilakukan oleh Sultan Berkat.

Kemunculan yang lebih jelas yang memperkukuhkan jati diri Melayu hingga pernah mencapai tahap keagungan peradaban yang gemilang dan dibanggakan oleh bangsa, ialah selepas orang Melayu menerima Islam. Islam yang berpaksikan kepada tauhid menjadi tunggak dan teras kepada ketamadunan Melayu di Brunei. Islam telah diterima sehingga ia begitu sinonim dengan Melayu, sehingga jati diri Brunei dikatakan Brunei-Islam. Kebangkitan serta kegemilangan Kesultanan Melayu Brunei satu ketika dahulupun adalah didasari oleh faktor Islam.

3.4.7 Keturunan Arab

Salah satu pengaruh hasil dari pertembungan dengan peradaban Islam yang masih dapat dilihat ialah kewujudan masyarakat keturunan Arab di Brunei dan juga bekas jajahannya. Pendakwah yang tiba dari Tanah Arab kebanyakannya adalah dari bangsa Arab keturunan Rasulullah yang dikenali dengan gelaran Ahlul Bait. Kebanyakan mereka telah diangkat menjadi pemimpin berdasarkan ilmu mereka. Mereka telah berkahwin dengan wanita tempatan dan akhirnya terbentuklah Ahlul Bait Keturunan Rasulullah SAW hasil campuran Arab dan Melayu. Disebabkan ilmu dan akhlak mereka, sebahagian daripada mereka telah dilantik sebagai pemimpin. Di Brunei, contoh paling jelas ialah Sharif Ali yang telah berkahwin dengan puteri Raja Brunei dan akhirnya dilantik menjadi Sultan Brunei Darussalam yang ketiga dengan gelaran Sultan Berkat. Di samping itu, terdapat beberapa orang lagi keturunan Arab yang disebabkan kewibawaan mereka telah dilantik menjadi pemimpin dan wakil kepada Kesultanan Brunei seperti Syarif Masahor di wilayah Kelaka dan Saribas, Syarif Jaafar di Lingga dan Syarif Sabudin dan Syarif Sahib di Sadong. Terdapat dikalangan mereka yang menjadi pendakwah dan juga pejuang yang kuat menentang penjajahan British. (Md. Amin Abdul Rahman, 1988:18, Idris Zakaria, 2003:296) Golongan Ahli Bait ini masih wujud di Brunei dan wilayah bekas takluknya dengan pelbagai gelaran seperti Sayyid, Sharif, Habib, Wan, Tuanku dan Sharifah.

“Beberapa wilayah naungan Brunei terutamanya di Sarawak, pada waktu itu ditadbir oleh para Sharif berketurunan Arab bagi pihak pemerintah Brunei. Para Sharif ini amat dihormati kerana

ketokohan mereka dalam bidang agama dan pentadbiran. Di samping bertugas mentadbir kawasan, mereka secara langsung menjalankan usaha dakwah yang telah digiatkan oleh pemerintah Brunei.” (Zulkiple Abdul Ghani, 2003:635)

Ternyata kedatangan Peradaban Islam ke Brunei serta interaksinya dengan budaya tempatan telah menyumbang kepada kemuncak kemajuan peradaban Melayu di Brunei Darussalam. Akbar Ahmad melihat sejauh mana kegemilangan peradaban Islam itu bergantung kepada se hampir mana ia kepada era ideal di zaman Rasulullah dan para Khulafa Ar-Rashidin. Ini menjadi tanda aras kepada teori alunan Akbar Ahmad. Maka apabila zaman Islam begitu berkembang dan Syariat Islam dilaksanakan dengan sebaik dan selengkap mungkin sehingga membawa kepada keamanan dan kemajuan kepada Brunei, maka tidak syak lagi inilah zaman kegemilangan dan kemuncak kepada peradaban Melayu di Brunei.

Ramai sarjana menyatakan hasil dari analisa mereka bahawa zaman kegemilangan Kesultanan Brunei Darussalam ialah pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. Ia berada pada kemuncak kegemilangannya. Ia dilihat dari aspek wilayah yang diduduki, tahap kehidupan rakyat serta nilai akhlak yang dipraktikkan. Jika ukuran Akbar Ahmad digunakan, beliau menyatakan bahawa semakin hampir kehidupan masyarakat dari segi moral dan akhlak dengan kehidupan di zaman Rasulullah dan para sahabat, maka semakin tinggilah tahap ketamadunan itu. Ini kerana, Akbar Ahmad mengambil aspek akhlak dan zaman Rasulullah dan sahabat sebagai penanda aras kepada tahap ketamadunan sesuatu

masyarakat. Sebaliknya ukuran ini mungkin berbeza dengan ukuran yang digunakan oleh peradaban Barat yang melihat ukuran peradaban itu lebih kepada aspek material semata-mata.

Islam telah menjadi teras kepada peradaban Melayu di Brunei Darussalam. Ini dimanifestasikan melalui Konsep Melayu Islam Berja (MIB) yang menjadi inti kepada pemerintahan Brunei Moden. Ini jelas disebut oleh pakar sejarah sebagai salah satu faktor utama Brunei muncul sebagai sebuah dari simbol ketinggian peradaban Melayu. Ranjit Singh menyebut

“Three factors were chiefly responsible for Brunei’s rise to eminence. One was the trade with China; the second, the coming of Islam; and the third, the capture of Malacca by the Portuguese”
(Ranjit Singh, 1984:19)

Faktor Islam ternyata menjadi faktor penolak kepada kegemilangan peradaban Melayu di wilayah Brunei. Sumbangan Peradaban Islam kepada kegemilangan Peradaban Melayu di Brunei ini juga disebut oleh seorang sarjana tempatan Brunei sebagai:

“Dengan kata-kata lain, nilai dan norma bangsa Brunei tidak mungkin dapat ditanai tanpa dua ramuan di atas (Islam dan Budaya Brunei). Melalui dua ramuan tersebutlah melahirkan konsep ‘adat bersendikan hukum’, ‘hukum bersendikan kitabullah’ dan mengekalkan pegangan ‘aur dengan tebing’. (Hashim Abd. Hamid, 1999:173)